

Nurul Izzah bidas jawapan kelewatan KLIA2 tak jejas keuntungan MAHB
Malaysian Insider
July 9 , 2013
Oleh Md Izwan

Nurul Izzah Anwar (gambar) hari ini membidas Kementerian Pengangkutan dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat yang menegaskan kelewatan menyiapkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) tidak menjejaskan keuntungan syarikat itu.

Dalam jawapan kepada soalan Ahli Parlimen Lembah Pantai itu pada 26 Jun lalu, kementerian menyatakan kelewatan pembukaan KLIA2 tidak memberi kesan pada urusan perniagaan MAHB.

"Setakat ini, kelewatan KLIA2 tidak menjejaskan keuntungan MAHB kerana ianya tidak ada kesan pada urusan perniagaan syarikat MAHB," kata kementerian dalam jawapan bertulis yang diedarkan oleh Nurul Izzah hari ini.

Bagaimanapun, Nurul Izzah mendakwa jawapan kementerian tersebut adalah tidak munasabah kerana laporan penganalisa kewangan mengatakan kelewatan tersebut menyebabkan perbelanjaan tambahan RM500 juta dan juga penurunan nilai saham MAHB.

"Penganalisa RHB Research Ahmad Maghfur Osman, menyatakan anggaran mereka bahawa MAHB akan membelanjakan RM500 juta perbelanjaan tambahan untuk projek KLIA2, justeru RHB menurunkan nilai terhadap saham MAHB iaitu RM6.86 daripada RM7.23," kata Nurul Izzah dalam sidang media di lobi Parlimen hari ini.

Bagi mengukuhkan lagi dakwaannya, Nurul Izzah juga menekankan laporan oleh MIDF Amanah Investment Bank Bhd (MIDF Research) turut menyatakan MAHB mungkin terpaksa menanggung kos tambahan bernilai RM250 juta ekoran tuntutan daripada kontraktor atas sebab perubahan permintaan skop kerja-kerja (Variation Order) KLIA2.

"Perubahan termasuklah pemanjangan Landasan Kapal Terbang 3, perubahan aras tanah (earthworks) dan peningkatan am infrastruktur awam."

"Tuntutan sebegini merupakan tambahan kepada permintaan UBPJV yang meminta sebanyak RM300 juta daripada MAHB untuk pembesaran tingkat bawah terminal utama dan bangunan satelit untuk memenuhi permintaan daripada pelbagai agensi kerajaan termasuklah syarikat penerbangan Malindo Air," tambah Nurul Izzah lagi.

Kementerian juga memberikan tarikh pembukaan KLIA2 yang baru adalah pada Mei tahun depan serta mendedahkan syarikat yang mengakibatkan kelewatan pembinaan KLIA2 adalah UEMC-Bina Puri JV (UBPJV).

Tarikh siap KLIA2 telah ditunda beberapa kali berikutan perubahan yang dibuat kepada pelan asal, termasuk membina terminal lebih besar untuk menguruskan lebih 40 juta penumpang, dan memasang sistem pengendalian bagasi automatik.

Tarikh baru pembukaan KLIA2 adalah yang kelima daripada MAHB kerana tarikh siap terminal itu sudah dilewatkan tiga kali.

Ia sepatutnya disiapkan pada April 2010 tetapi ditunda kepada Oktober 2012, April 2013

dan kemudian 28 Jun, 2013.

Lapangan terbang baru itu, disasarkan untuk mengendalikan sehingga 45 juta penumpang setahun, antara lain akan mempunyai 60 pintu, 80 jambatan aero dan 32,000 meter persegi ruang runcit dengan 225 kedai.

Tender untuk projek KLIA2 pertama kali dikeluarkan pada 2009. - 9 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nurul-izzah-bidas-jawapan-kelewatan-klia2-tak-jejas-keuntungan-mahb/>